

# OPR mungkin dikurangkan lagi

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 JULAI 2017

**B**ANK Negara Malaysia (BNM) dijangka akan mengurangkan lagi kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas (bps) menjelang hujung tahun ini dengan mengambil kira beberapa faktor ekonomi.

Penganalisis HLIB Research, Sia Ket Ee berkata, ini berikutan ketidakseimbangan kewangan yang semakin menyusut dan penurunan inflasi yang berterusan di bawah paras yang dijangkakan BNM sekitar dua hingga tiga peratus.

“Kami percaya indeks harga pengguna (IHP) telah memuncak pada Februari lalu iaitu 4.2 peratus tetapi dengan mengambil kira pertumbuhan IHP Jun yang lebih rendah (1.6 peratus), kami merendahkan unjuran IHP tahun ini 2.2 peratus berbanding sebelum ini 2.5 peratus.

“Unjuran kami adalah serendah semakan BNM iaitu dua hingga tiga peratus tahun ini berbanding 2.5 hingga 3.5 peratus sebelumnya. Maka, kami menjangkakan OPR mungkin dikurangkan lagi hujung tahun ini,” katanya dalam nota kajian di sini hari ini.

Inflasi di Malaysia di paras dua



**KETIDAKSEIMBANGAN** kewangan dijangka mendorong Bank Negara Malaysia mengurangkan lagi kadar dasar semalaman menjelang hujung tahun ini.

peratus pada Mei dan 1.6 peratus bulan lalu, peningkatan paling perlahan sejak Mac 2015.

Kadar itu juga lebih rendah berbanding sasaran pasaran iaitu peningkatan 1.8 peratus disebabkan kenaikan berterusan dalam kos pengangkutan termasuk segmen hotel dan restoran, perkhidmatan rekreasi dan kelengkapan isi rumah.

Pada 13 Julai lalu, BNM memutuskan untuk mengurangkan OPR kepada tiga peratus berbanding 3.25 peratus sebelum ini, dengan alasan ekonomi global mencatat kadar pertumbuhan yang sederhana dan kelemahan sektor luaran.

Penurunan OPR itu mendorong bank-bank tempatan mengurang-

kan kadar faedah pinjaman kepada pengguna. BNM juga menetapkan kadar tertinggi dan terendah bagi koridor OPR juga dikurangkan, masing-masing kepada 3.25 peratus dan 2.75 peratus.

Sementara itu, Affin Hwang Capital menjangkakan trend inflasi lebih tinggi kepada 2.5 peratus pada suku ketiga 2016 dan 2.6 peratus pada suku seterusnya disebabkan musim perayaan dan harga runcit petrol yang lebih tinggi.

Bagaimanapun, katanya, memandangkan inflasi lebih sederhana pada separuh pertama tahun ini berbanding jangkaan awal, inflasi diunjur lebih rendah iaitu 2.5 peratus bagi 2016.